NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

FYi

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health
November 2019
ISSN 1675-5464

Your OSH preferred partner

Road Traffic Safety Management System (RTSMS)

MS ISO 39001: 2013

Executive Director's Note

The fact that Malaysia has among the highest road accident death rate is really worrying me. The number of accidents has also increased every year and SOCSO statistics shows the same trend in commuting accidents.

Studies also show that injuries and deaths due to road accidents are a major public health problem in developing countries. It was reported that more than 85% of all deaths and 90% of disability-adjusted life years were lost from road traffic injuries[1].

As we all know, road deaths and injuries are preventable. A wide range of effective road safety intervention exists and a systematic approach to road safety is essential to tackle the problem.

One of the effective solutions is the Road Traffic Safety Management System (RTSMS) which is being featured in this FYi November issue.

I hope you will benefit from the write-up on RTSMS and enjoy other articles that we have chosen this time around.

See you next month.

[1] *The neglected epidemic: Road traffic injuries in developing countries. 2011.*

Haji Ayop Salleh
Executive Director
NIOSH

Editorial Board

NOVEMBER 2019
eISSN 2672-7412

EDITORS

- **HAJI SHAHRONIZAM NOORDIN**
  Manager of Information and Dissemination Division
- **ROSLINA MD HUSIN**
  Executive of Information and Dissemination Division
- **M.HAMZAH JAMALUDIN**
  Executive of Business and Marketing Division

WRITERS

- **AZIZIE HAMID**
  Manager of NIOSH Certification Sdn Bhd
- **MUHAMAD ARIFF MOHD YUSOF**
  Technician of Safety Skills Competency Division (SSCD)

ADVERTISING & MEDIA SALES

- **MOHD HUSSIN ABD SALAM**
  Manager of Business and Marketing Division
  Email: bmd@niosh.com.my
- **RANJITHA A/P BALA**
  Executive of Business and Marketing Division
  Email: bmd@niosh.com.my

PUBLISHER

- **NIOSH**
  Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
  43650 Bandar Baru Bangi,
  Selangor Darul Ehsan.
  Malaysia
  Tel : 03-8769 2100
  Fax : 03-8926 2900
  Email : general@niosh.com.my
  Website : http://www.niosh.com.my

MS ISO 39001: 2013 – Road Traffic Safety Management System (RTSMS)

Every risk has its own method and system to control it. If we talk about Occupational Health & Safety (OHS) risks, we will always relate it to ISO 45001 and when an organisation plans to manage the environmental risks, the most preferred ISO management system is the ISO 14001.

However, not many organisations and safety practitioners realise that there is an ISO management system which focuses on the management of the Road Traffic Safety (RTS) risks.

Based on the MS ISO 39001:2013, the Road Traffic Safety Management System (RTSMS) was developed to help tackle critical RTS issues that have become a global concern.

Statistics shows that around 1.35 million people were killed and between 20 million and 50 million were injured in road accidents around the world each year and the numbers are increasing. In Malaysia, the statistics from MIROS and SOCSO also show an alarming number of fatal accidents with between 17 and 20 deaths were recorded daily.

Road safety is a collective responsibility that requires the involvement of the government, civil society as well as businesses from both the public and private sectors. It requires a well-planned strategy and a holistic approach.

Poor road safety has a significant impact on societies and economies around the world which could result in an annual loss of Gross Domestic Product (GDP) of between 2% and 5%. However, only a limited number of countries have implemented a coordinated approach in road safety management.

Unfortunately, the countries that suffer the most are developing nations including Malaysia. According to the Road Safety Report by the World Health Organisation, Malaysia has among the highest road accident fatality rate with 25 deaths per 100,000 population. This has caused negative social and economic impact with estimated economic losses of about RM79 billion since 2004. In comparison, the ratio for fatal road accidents in the region is 17.9 deaths per 100,000 population.

In Malaysia, the initiative to improve the RTSMS started in 2012 with the introduction of the ISO 39001:2012 and followed by MS ISO 39001:2013.

A Technical Committee for the MS ISO 39001:2013 or TC 241 was later set up, with the main objective is to reduce road incidents.

Road Traffic Safety Management Systems
ISO 39001 : 2012 CERTIFICATION

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION

Road traffic safety (RTS) management system is a tool to help organisations reduce, and ultimately eliminate, the incidence and risk of death and serious injury related to road traffic crashes. Experience from around the world has shown that large reductions in death and serius injury can be achieved through the adoption of a holistic Safe System approach to RTS. This involves a clear and unequivocal focus on RTS results and evidence based actions, supported by appropriate organisation management capacity.

NIOSH
National Institute of Occupational Safety and Health

Call us now at **+603 8922 1925**
or email to **inquiry@nioshcert.com.my**
or visit **www.nioshcert.com.my**
to find out more.

Chaired by Professor Dr. Wong Shaw Voon, its members include NIOSH Certification Sdn Bhd General Manager Shamsul Zahrin Zainudin and representatives from Standards Malaysia, MIROS and others interested parties from the public and private sectors.

The TC 214 members have also embarked on a second wave of awareness on MS ISO 39001:2013 for the industry. They have also put together all the best practices in the countries that have implemented the RTSMS.

However, the success of the RTSMS depends on the enforcement agencies namely the police, Road Transport Department (RTD), Land Public Transport Agency (APAD) and the Commercial Vehicle Licensing Board (CVLB).

At the same time, the main legislation that has been enforced for years is the Road Transport Act 1987 (Act 333) which governs all activities related to road in Malaysia.

There is also a specific legislation for commercial vehicles and public transport namely the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 (Act 334).

In general, the laws that we have in the country are sufficient but the enforcement needs to be strengthened while the RTSMS must be adopted by all parties.

It is important to note that the MS ISO 39001: 2013 is applicable to both public and private organisations that have an interest or deal with the road traffic system. It can be used by internal and external parties, including certification bodies, to assess an organisation's ability to meet the requirements.

Data collected from around the world has shown that there was a large reduction in deaths and serious injuries through the adoption of a holistic approach to tackle RTS risks. This involves a clear and unequivocal focus on RTSMS results and evidence-based actions, supported by appropriate organisational management capacity.

Government on its own cannot achieve the goal to reduce road accidents. Organisations of all types and sizes, as well as individual road users, have a role to play. By adopting the international standard, in this case the MS ISO 39001: 2013, organisations should be able to achieve the desired results in reducing road accidents. It could even exceed the results achieved through compliance of laws.

The management system specified in MS ISO 39001: 2013 could help reduce accidents as it focuses on the planning of activities that will help an organisation achieves its goals by adopting the RTSMS.

For further inquiries on MS ISO 39001: 2013 and on how RTSMS can be implemented to reduce RTS risks and increase productivity, please contact NIOSH Certification Sdn Bhd at 03-8922 1925.

Road Traffic Safety Management Systems
ISO 39001 : 2012 CERTIFICATION

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION

Road traffic safety (RTS) management system is a tool to help organisations reduce, and ultimately eliminate, the incidence and risk of death and serious injury related to road traffic crashes. Experience from around the world has shown that large reductions in death and serius injury can be achieved through the adoption of a holistic Safe System approach to RTS. This involves a clear and unequivocal focus on RTS results and evidence based actions, supported by appropriate organisation management capacity.

NIOSH
National Institute of Occupational Safety and Health

Call us now at **+603 8922 1925**
or email to **inquiry@nioshcert.com.my**
or visit **www.nioshcert.com.my**
to find out more.

TIPS PEMANDUAN SELAMAT

TITIK BUTA *(BLIND SPOTS)*

Titik Buta (blind spots) merupakan kawasan sekeliling kenderaan yang tidak dapat dilihat secara langsung oleh pemandu. Ia merupakan salah satu punca berlakunya kemalangan jalan raya.

Setiap kenderaan mempunyai kawasan titik buta yang tersendiri di mana pemandunya tidak dapat melihat kenderaan lain yang mengikutinya dengan terlalu rapat ataupun sedang memotong. Hal ini disebabkan oleh rekabentuk kenderaan tersebut dan juga penglihatan pemandu yang terbatas.



Apa yang dapat dikatakan “semakin besar saiz sesebuah kenderaan, semakin besar titik buta di sekeliling kenderaan tersebut”.

Tetapi, persoalannya bagaimana untuk kita pastikan ianya selamat? Lihat tips di bawah untuk kekal selamat daripada titik buta bagi kereta:

1. Pastikan jarak mengekor adalah dua (2) saat.
2. Elakkan untuk berada pada kawasan titik buta.
3. Periksa ke hadapan pada jarak 12 saat ataupun 100 meter ke hadapan.
4. Pastikan terdapat ruang yang selamat di antara kenderaan yang dipotong.



Untuk pengetahuan anda, titik buta kenderaan berat seperti lori, bas, dan juga treler adalah sangat besar. Sebenarnya, pemandu lori tidak dapat melihat kenderaan yang berada 10 meter di belakangnya. Yang paling penting, jangan memotongnya dari kiri kerana itulah titik buta yang paling besar dan tidak selamat.



PERSEDIAAN SEBELUM PEMANDUAN

Kedudukan pemandu di dalam kenderaan.



posisi betul



posisi salah

Teknik Kawalan Stereng

1. Pastikan kedua-dua tangan sentiasa memegang stereng
2. Elakkan memegang stereng dengan sebelah tangan kerana ia akan memberi kesan kepada pemanduan
3. Pegang stereng dengan kemas



Kedudukan dan Kegunaan Kaki Pada Transmisi Manual.



Kedudukan dan Kegunaan Kaki Pada Transmisi Auto

- Tumit kaki berada di atas lantai dan kaki kanan bersedia di atas pedal pada posisi 45 darjah.
- Apabila menekan brek, gunakan bahagian hadapan kaki. Penggunaan hujung jari kaki tidak akan memberi kesan kawalan seperti yang diharapkan.
- Untuk mencapai pendikit minyak, biarkan tumit di atas lantai dan kaki bebas untuk bergerak ke kiri dan ke kanan. Sama ada untuk memijak pendikit minyak ataupun brek, kaki kanan dalam kedudukan 45 darjah dengan tujuan tekanan kaki boleh dipindahkan dari pendikit minyak ke brek dengan mudah.

Teknik Membrek

1. Ada 3 sistem brek kenderaan :
   - Melepaskan kaki daripada pendikit minyak.
   - Menukar gear kepada gear yang lebih rendah.
   - Membrek.
2. Kurangkan kelajuan dengan menggunakan brek dan menukar gear sebelum memasuki selekoh dan menuruni bukit.
3. Tekanan pada brek bergantung kepada keadaan jalan.

Teknik Mengambil Selekoh

- Beri tumpuan ketika menghampiri selekoh.
- Cuba mengambilkira keadaan lencongan dan lebar jalan semasa mengambil selekoh.
- Keadaan permukaan jalan.
- Kemungkinan adanya penggunan jalanraya yang lain.
- Penggunaan gear dan kelajuan yang sesuai.
- Kemampuan dan kemahiran pemandu.



Teknik Memotong / *Overtaking*

Bahaya utama memotong kenderaan yang bergerak adalah kerana pergerakan kenderaan yang berubah-ubah. Pemandu memerlukan :

- Pemerhatian yang teliti (persekitaran, permukaan jalan).
- Perancangan.
- Penilaian.
- Kelajuan & jarak serta masa.
- Kesedaran akan bahaya yang ada.



Jangan Memotong :

- Di garisan berkembar.
- Jika penglihatan terhad.
- Semasa mendaki atau menurun bukit.
- Semasa membelok.
- Jika ada kenderaan yang datang dari arah bertentangan.
- Di celah-celah kenderaan lain.
- Jika ruang & masa terhad.
- Jika menyusah & membahayakan orang lain.
- Kenderaan lain yang sedang memotong.
- Jika kenderaan & diri anda tidak mampu.
- Jika kenderaan lain hendak memotong anda.

Teknik Menuruni Bukit

- Kurangkan kelajuan sebelum menuruni bukit.
- Gunakan gear rendah (gear yang sesuai) ketika menuruni bukit, mengikut darjah kecerunan bukit.
- Lepaskan cekam (clutch) sepenuhnya, bagi mengelakan kahausan cepat dan clutch terbakar.
- Penggunaan brek yang berterusan semasa menuruni bukit akan mengakibatkan suhu bendalir brek akan meningkat dan menghilangkan fungsi brek.
- Penggunaan brek yang berterusan juga boleh mengakibatkan piston di dalam caliper brek mengembang dan tersekat (brek jem).



MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA PERSATUAN PENGELUAR-PENGELUAR PERTANIAN TANAH MELAYU (MAPA) DAN PELANCARAN PROGRAM PLANTATION SAFETY PASSPORT (PLSP)

BANGI: 12 November 2019, NIOSH telah mengadakan satu kerjasama dengan Persatuan Pengeluar- Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) bagi program Plantation Safety Passport (PLSP). Majlis Pertukaran MoU dan Pelancaran Program Plantation Safety Passport (PLSP) telah diadakan di Dewan Rafflesia, Menara NIOSH, Bangi. Majlis yang bermula pada jam 10.00 pagi turut dihadiri YBhg Tuan Haji Ayop Salleh Pengarah Eksekutif NIOSH, YBhg. Tuan Haji Mohamad bin Audong Pengarah Eksekutif MAPA.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu “Negaraku”, diikuti taklimat keselamatan, bacaan doa dan taklimat ringkas pengisian MoU dan PLSP. Sekitar 10.30 sesi pertukaran MoU dan pelancaran produk PLSP bermula antara NIOSH dan MAPA. Penyampaian sijil penghargaan turut diadakan kepada ahli penggubal modul PLSP oleh Pengarah Eksekutif NIOSH.

Selepas majlis pertukaran memorandum persefahaman dan pelancaran PLSP, Seminar On OSH Legal Requirements & Contractor Management in the Plantation Sector telah diadakan. Objektif utama seminar adalah untuk memperkenalkan kepada pengurusan keperluan undang-undang berkaitan pengurusan OSH dalam sektor perladangan. Ia turut mendedahkan majikan kepada aspek pengurusan kontraktor untuk tujuan pematuhan MSPO-OSH; mengenal pasti dan menggalakkan penyelesaian mengenai isu-isu yang lazim dihadapi oleh majikan dalam menanam nilai OSH dalam sektor perladangan.

Inisiatif membangunkan program latihan PLSP sebenarnya bermula apabila delegasi MAPA mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan tertinggi NIOSH pada 18 Disember 2018.

MAPA merupakan singkatan kepada “The Malayan Agriculture Producers Association” atau Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu merupakan kesatuan sekerja majikan yang terbesar dan tertua di Malaysia.

Pertemuan pertama tersebut membuahkan hasil yang memberangsangkan apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Dalam pertemuan seterusnya yang diadakan di NIOSH pada 10 Januari 2019, kedua-dua pihak telah berbincang dengan lebih mendalam termasuk usaha membangunkan modul PLSP serta mengadakan seminar bagi meningkatkan kesedaran KKP dalam kalangan pihak pengurusan perladangan.

Pada 1 April, perbincangan seterusnya diadakan di ibu pejabat MAPA untuk mengemaskini rangka modul PLSP dan modul penuh berjaya disiapkan pada Oktober 2019 dengan kerjasama pihak MAPA dan pelbagai jabatan berkaitan di NIOSH.

Seminar pertama pula berjaya diadakan di Ipoh pada 17 Sept, diikuti dengan Kuala Terengganu (10 Oktober), Senai, Johor (17 Oktober) dan di ibu pejabat NIOSH pada 12 November 2019.

Kejayaan membangunkan modul PLSP dalam masa 5 bulan menunjukkan bagaimana kerjasama erat di antara MAPA dan NIOSH mampu menjadikan proses tersebut berjalan dengan lancar. Majlis menandatangani MoU dan pelancaran PLSP hari ini juga amat bermakna kerana ia bakal meningkatkan tahap KKP dalam kalangan syarikat perladangan di Malaysia yang merupakan antara penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

Program "Safety And Health Talk & Hi-Tea" Bersama Menteri Sumber Manusia

IPOH, PERAK: 17 November 2019 – "Program Safety and Health Talk & Hi-Tea" Bersama Menteri Sumber Manusia, YB M Kula Segaran anjuran NIOSH telah diadakan di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak.

Program interaksi santai ini dianjurkan sebagai platform untuk berkongsi pengalaman, bertukar-tukar maklumat dan idea berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Para peserta berpeluang untuk beramah mesra, mengajukan pertanyaan dan memberikan idea kepada YB Menteri dan kementerian.
Lebih 100 peserta dari kalangan ahli-ahli NIOSH, para majikan, wakil-wakil dari pelbagai sektor industri sekitar Ipoh hadir di dalam majlis ini. Program ini juga turut disertai oleh NIOSH Certification dan Majlis Daerah Kampar yang berkongsi idea dan amalan terbaik di dalam sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBrs Tuan Maniam Arumugam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia; Pengerusi NIOSH, YB Alice Lau Kiong Yieng; Timbalan Pengerusi NIOSH, Encik Gunasegaran Kandaswamy dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Ayop Salleh. Program bersiri anjuran NIOSH ini akan diteruskan kerana ia amat berkesan di dalam menyampaikan mesej kepada rakyat dalam suasana yang lebih santai dan bersahaja. Pihak majikan dan industri juga mendapat maklumat serta berkongsi idea berkaitan pengurusan keselamatan dan pencegahan kemalangan di tempat kerja.

Dalam ucapan YB Menteri, beliau melahirkan harapan agar program seperti ini dapat meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) dalam kalangan majikan yang hadir semasa acara tersebut. Beliau juga menambah bahawa kerajaan akan menyediakan peruntukan RM 30 juta untuk membangunkan peluang latihan kemahiran terutamanya untuk kumpulan B40.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KAKITANGAN NIOSH

BANDAR BARU BANGI: 14 November 2019 - Majlis Anugerah Pekerja Cemerlang (APC) telah diadakan bagi memberi penghargaan kepada kakitangan NIOSH yang telah menunjukkan kualiti kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2018.

Majlis tersebut diadakan di Dewan Tan Sri Lee Lam Thye Menara NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor. Ia disempurnakan oleh YB Alice Lau Kiong Yieng, Pengerusi NIOSH serta turut dihadiri oleh Timbalan Pengerusi NIOSH, En Gunasegaran Kandaswamy dan Pengarah Eksekutif NIOSH Tuan Haji Ayop Salleh. Turut hadir barisan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi dan wakil dari pejabat NIOSH seluruh negara.

Pengarah Eksekutif NIOSH Tuan Haji Ayop Salleh turut menyampaikan ucapan aluan sebelum ucapan perasmian oleh YB Puan Alice Lau Kiong Yieng, Pengerusi NIOSH. YB Alice Lau turut menyampaikan anugerah kepada 35 kakitangan di atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dan penuh dedikasi serta integriti.

Bagi meraikan mereka yang menerima anugerah pada pagi itu, perlu diingatkan semua bahawa kecemerlangan tidak akan dicapai jika kita tidak mendapat sokongan daripada setiap warga kerja NIOSH. Sesungguhnya setiap warga kerja, tidak kira pangkat atau kedudukan mereka, mempunyai peranan penting untuk memastikan NIOSH mampu melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Tahniah dan selamat maju jaya kepada penerima-penerima APC bagi tahun 2018 dan semoga majlis yang bermakna ini akan dapat memberikan inspirasi kepada semua kakitangan untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi mencapai objektif dan misi NIOSH serta sasaran kementerian dan kerajaan.

Majlis Ladies Night 2019 Anjuran Puspanita Cawangan Kementerian Sumber Manusia

Ladies Night 2019 Puspanita Cawangan Kementerian Sumber Manusia (KSM) diadakan pada 22 November 2019 di Hotel Tanera Bangi. Turut memeriahkan makan malam tersebut adalah ahli-ahli Puspanita NIOSH. Majlis diserikan dengan nyanyian, acara sampingan serta pertandingan pakaian beragam yang bertemakan *Masquerade Party*.

Majlis Konvokesyen program B40 Capacity Building (B40CaB)

PUTRAJAYA: 20 November 2019 - Sejarah tercipta apabila buat julung-julung kalinya kerjasama strategik NIOSH dan PSMB di dalam program B40 Capacity Building (B40CaB) Berjaya melatih kumpulan B40 dalam pelbagai kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Seramai 100 orang peserta Pilot Batch telah dipilih menyertai program yang bertujuan membantu menambahnilai pengetahuan dan kemahiran mereka dalam beberapa kursus kompetensi dan induksi keselamatan NIOSH. Program ini juga bertujuan memberi peluang kepada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah B40 untuk mendapatkan pekerjaan dan meningkatkan pendapatan.

Majlis Konvokesyen B40CaB ini dianjurkan bagi memberi penghargaan kepada para peserta yang telah tamat menjalankan latihan di NIOSH. Majlis turut dihadiri oleh tetamu kehormat yang juga pencetus idea kolaborasi NIOSH - PSMB bagi B40CaB iaitu YB M Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg Dato' Amir Bin Omar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia; YB Alice Lau Kiong Yieng, Pengerusi NIOSH; YBrs Elanjelian Venugopal, Ketua Eksekutif PSMB; Ybrs Gunasegaran Kandaswamy, Timbalan Pengerusi NIOSH; dan Tuan Haji Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH.

Penghargaan istimewa untuk para pengajar, kordinator dan pegawai-pegawai dari NIOSH dan PSMB yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Tahniah dan selamat maju jaya!

Jumpa lagi di program B40CaB pada tahun 2020!

Seminar-seminar NIOSH 2019 dan "Professional Talk" bertajuk 'BULLYING - THE TRIPLE S'

BANGI: Pada 25 November - NIOSH telah mengadakan Seminar bertajuk "Critical Aspects of MEWP Operations: Mobile Elevating Work Platform (Sky Lift, Boom Lift, Scissors lift)". Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk menyediakan dan memperkenalkan tugas-tugas pengendali Mobile Elevating Work Platform (MEWP). Selain itu, seminar ini juga untuk mengenal pasti, mempengaruhi dan mengubah tingkah laku yang tidak selamat yang telah ditetapkan. Program ini juga merupakan keperluan utama untuk semua kakitangan industri semasa bekerja di tempat tinggi disamping akan dapat memahami asas-asas sistem kerja yang selamat untuk MEWP.

Pada 28 November 2019 pula, seminar bertajuk "Noise Exposure at Workplace" diadakan di NIOSH Bandar Baru Bangi. Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada orang ramai tentang perlindungan pendengaran yang perlu dititikberatkan. Jika kita seorang majikan dan orang yang terdedah kepada tahap bunyi yang berbahaya di tempat kerja, kita bertanggungjawab untuk melindungi pendengaran mereka. Program pencegahan diperlukan untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko kehilangan pendengaran yang disebabkan oleh bunyi bising di tempat kerja.

Pada 28 November 2019 juga turut diadakan "Let's Talk Minda Sihat Di Tempat Kerja". Seminar separuh hari itu diadakan bagi membantu Industri Menangani Isu Kesihatan Mental. Ceramah berkaitan diadakan di Dewan Teater, Bangunan Utama NIOSH, Bandar Baru Bangi.

Professional Talk bertajuk 'BULLYING - THE TRIPLE S' diadakan pada 29 November 2019 (Jumaat) bertempat di Dewan Teater, Bangunan Utama NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor. Program Professional Talk *Bullying : The Triple S* disampaikan oleh penceramah dan penulis buku *Born to Smile* Datin Nora Tan Sri Abu Hassan. Seramai 50 peserta terawal menerima sebuah buku Born to Smile secara percuma.

Program separuh hari berkenaan telah mendefinisikan apa itu buli? Buli di kalangan semua peringkat umur, bagaimana untuk bertindak terhadap pembuli serta bagaimana buli memberi kesan terhadap hidup seseorang itu. Pada program berkenaan juga para peserta turut didedahkan definisi lain bagi *triple S*.

Sesi Latihan 'Mock Drill' Gempa Bumi NIOSH Wilayah Sabah (Kota Kinabalu)

KOTA KINABALU: 29 November 2019 - NIOSH Wilayah Sabah (Kota Kinabalu) telah menjalankan 'Mock Drill' Gempa Bumi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada jam 09.12 pagi. Latihan kecemasan ini dijalankan bagi menilai pelan tindakan kecemasan yang merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan NIOSH.

Latihan ini melibatkan "insiden" melibatkan seorang kakitangan yang tercedera akibat terhempap almari di dalam pejabat. Aktiviti yang berakhir pada jam 10.15 pagi tersebut berjalan dengan lancar dan melibatkan 25 peserta dan kakitangan. Ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas sokongan yang diberikan secara berterusan.

PERPINDAHAN PEJABAT NIOSH WILAYAH PANTAI TIMUR (PAHANG)

NOTIS PEMBERITAHUAN

Makluman Penangguhan Operasi dan Perpindahan Pejabat NIOSH Wilayah Pantai Timur (Pahang)

Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat NIOSH Wilayah Pantai Timur (Pahang) akan menangguhkan operasi kerana berpindah dari Pejabat Balok ke lokasi baru di Pejabat KotaSAS dengan alamat seperti berikut:

NIOSH Wilayah Pantai Timur (Pahang),
No B12, Jalan KS 1/12,
KotaSAS Avenue,
Kota Sultan Ahmad Shah,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-575 0521

Sehubungan itu, operasi di Pejabat NIOSH Pahang akan ditangguhkan buat sementara waktu mulai 02hb - 06hb Disember 2019 untuk kerja-kerja perpindahan.

Sebarang kesulitan amat dikesali. Segala kerjasama daripada pihak tuan/ puan didahului dengan ucapan terima kasih.

JKKP catat 37 kes seluruh negara

Kuala Lumpur: Sepanjang 2016 hingga tahun ini, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mencatatkan 37 kes membabitkan operasi pengendalian kren di seluruh negara di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mohd Nasir berkata, dari jumlah itu, 26 kes membabitkan operasi tanggung manakala 16 daripada kalangan warga asing.

"Melalui pengauditan, JKKP mengendalikan kempen berhadap pengurus projek di Pulau Pinang, Johor dan Sabah.

"Pengauditan operator kren mengendalikan kren dengan pemeriksaan yang mengabaikan operasi kren dengan.

"Sebagai sebagaimana lain, kerajaan di kes kemalangan kren, mengambil